



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

DITERBITKAN
SEJAK
2002

BERITA

GERBANG INOVASI | KUALITI | PRODUKTIVITI

SUKU TAHUN (4/2024)



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING MENGEKALKAN STATUS 5 BINTANG DALAM SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) ANJURAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.

MPT berjaya meneruskan kecemerlangan dengan mendapat status 5 bintang bagi penilaian tahun 2024 dalam SPB-PBT anjuran KPKT. Sijil pengiktirafan telah disampaikan pada Konvensyen PBT 2024 yang telah berlangsung pada 26-27 Oktober 2024 bertempat di Dewan Sivik, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Selangor. Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada PBT di Malaysia yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang kepada rakyat, pelanggan, komuniti dan pemegang taruh yang berurusan dengan PBT. Tahniah kepada warga kerja MPT di atas pengiktirafan yang diterima dan menjadi antara PBT yang terbaik di Malaysia. Semoga MPT terus CEMERLANG SEPANJANG MASA.



MAJLIS PERBANDARAN TAIPING RAIH KEJAYAAN CEMERLANG DI MAJLIS ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2023

12 NOVEMBER 2024 - MPT TELAH MENERIMA PENGIKTIRAFAN DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI MAJLIS ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2023 ANJURAN MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (NCOSH MALAYSIA) BERTEMPAT DI COURTYARD BY MARRIOTT, KUALA LUMPUR. MAJLIS TELAH DIRASMIKAN OLEH MENTERI SUMBER MANUSIA, YB ENCIK STEVEN SIM CHEE KEONG DAN TURUT DIHADIRI OLEH TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA, YB DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD, PRESIDEN KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS), YBHG. DATO' DR ADNAN MAT, DAN KETUA PENGARAH JKPP MALAYSIA, IR. HJ. MOHD HATTA BIN ZAKARIA. YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING, TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR TELAH HADIR BAGI MENERIMA ANUGERAH KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2023 SERTA DINOBATKAN SEBAGAI SATU-SATUNYA PEMENANG BAGI KATEGORI PERKHIDMATAN AWAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2023. ANUGERAH INI MERUPAKAN PENGIKTIRAFAN KEPADA ORGANISASI DAN INDIVIDU DI SELURUH MALAYSIA YANG MENUNJUKKAN DEDIKASI DAN USAHA PROAKTIF DALAM MENGUTAMAKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI TEMPAT KERJA.

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING DAN ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI RAIH KEJAYAAN CEMERLANG DI MAJLIS ANUGERAH MSOSH KE-42

11 NOVEMBER 2024 - MPT DAN ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI TELAH MERAHAI PENGIKTIRAFAN DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN APABILA MEMBAWA PULANG TIGA ANUGERAH DI MAJLIS ANUGERAH MALAYSIAN SOCIETY FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (MSOSH) KE-42 DI HOTEL SUNWAY RESORT HOTEL, SELANGOR. MAJLIS DIRASMIKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN), YBHG. TAN SRI DATO' SRI SHAMSUL AZRI ABU BAKAR DAN TURUT DIHADIRI OLEH PRESIDEN KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS), YBHG. DATO' DR ADNAN MAT. MEWAKILI YANG DIPERTUA MPT, PENGARAH PERKHIDMATAN BANDAR DAN KESIHATAN, ENCIK AMI FAIZUL BIN YAACOB TELAH HADIR BAGI MENERIMA TIGA ANUGERAH IAITU ANUGERAH GOLD CLASS 1 BAGI ORGANISASI, ANUGERAH KHAS UNTUK ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI, DAN ANUGERAH PRESIDEN BAGI PIHAK YDP MPT. ANUGERAH MSOSH YANG DIANJURKAN SEJAK TAHUN 1982 MERUPAKAN PENGIKTIRAFAN KEPADA ORGANISASI DAN INDIVIDU DI SELURUH MALAYSIA YANG MENUNJUKKAN DEDIKASI DAN USAHA PROAKTIF DALAM MENGUTAMAKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DI TEMPAT KERJA.

TAIPING MERAHAI EMPAT (4) ANUGERAH BERSEMPENA PERAK TOURISM AWARDS 2024

2 OKTOBER 2024 - TAIPING TELAH MERAHAI EMPAT (4) ANUGERAH BERSEMPENA PERAK TOURISM AWARDS 2024 YANG TELAH BERLANGSUNG DI HOTEL CASUARINA MERU, IPOH. ANUGERAH TERSEBUT ADALAH :

1. BEST VOLUNTEER TOURISM INITIATIVE AWARD - MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
2. BEST ECO-FRIENDLY ACCOMODATION AWARD - SENTOSA VILLA
3. BEST NATURE TOUR GUIDE AWARD - ENCIK KHAIRUL SALLEH BIN AHMAD
4. MOST INNOVATIVE DESTINATION MARKETING AWARD - FLYTRIKE TAIPING

MPT MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PENERIMA ANUGERAH PERAK TOURISM AWARDS 2024 SERTA SEMUA PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN TAIPING DI ATAS KERJASAMA, SOKONGAN DAN USAHA YANG GIGIH DALAM BERSAMA-SAMA MEMPROMOSIKAN PELANCONGAN DI TAIPING. TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN NEGERI PERAK DAN TOURISM PERAK DI ATAS PENGANUGERAHAN INI. SEMOGA PENGANUGERAHAN INI DAPAT MERANCANGKAN LAGI INDUSTRI PELANCONGAN DI TAIPING KHUSUSNYA DAN PERAK AMNYA.



FESTIVAL KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK PIALA YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2024



19 DISEMBER 2024 - MPT MERAHAI TEMPAT KEEMPAT DAN MENERIMA ANUGERAH PENYOKONG TERBAIK DALAM PERTANDINGAN KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT), PIALA YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2024 YANG DIADAKAN DI HOTEL GRAND BARON, TAIPING. PERTANDINGAN YANG DIRASMIKAN OLEH YB PENERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN NEGERI PERAK, PUAN SANDREA NG SHY CHING TELAH MENGHIMPUNKAN 11 KUMPULAN DARI KESELURUHAN 15 PBT NEGERI PERAK. SETIAP KUMPULAN PERLU MENYANYIKAN LAGU KARYA ALLAHYARHAM TAN SRI P. RAMLEE DAN LAGU TULAR. MAJLIS BANDARAYA IPOH DINOBATKAN SEBAGAI JUARA, NAIB JUARA DIRAIH MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH (MDPT), DAN TEMPAT KETIGA DIRAIH MAJLIS DAERAH SELAMA (MDS). SETIAP PEMENANG MEMBAWA WANG TUNAI, REPLIKA CEK DAN TROFI. PERSEMBAHAN TERBAIK TELAH DIANUGERAHKAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG (MPM). PERTANDINGAN DIADAKAN BERTUJUAN MENYEMARAKKAN AKTIVITI KESENIAN DAN KEBUDAYAAN MENERUSI NYANYIAN LAGU-LAGU KARYA SERTA MEWUJUDKAN SEMANGAT KEBERSAMAAN, ANTARA PBT NEGERI PERAK. PADA TAHUN HADAPAN, PERTANDINGAN INI AKAN DITERUSKAN DAN DIADAKAN DI TELUK INTAN. HADIR SAMA, YB ADUN POKOK ASSAM, ENCIK ONG SENG GUAN, YANG DIPERTUA MPT, YBRS. TUAN KHAIRUL AMIR MOHAMAD ZUBIR, YANG DIPERTUA/ SETIAUSAHA PERBANDARAN PBT NEGERI PERAK, AHLI-AHLI MAJLIS, KETUA-KETUA JABATAN / BAHAGIAN / UNIT MAJLIS PERBANDARAN TAIPING, PIHAK MEDIA DAN KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING.

KELAHIRAN ANAK BADAK AIR DAN 16 EKOR KURA-KURA SULCATA DI ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI



ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI (ZTNS) BERBESAR HATI MENGUMUMKAN KELAHIRAN SEEKOR ANAK BADAK AIR (HIPPOPOTAMUS AMPHIBIUS) PADA 5 JUN 2024. IBU ANAK BADAK AIR INI, LEK, BERUSIA 32 TAHUN DAN BERALAS DARI ZOO BANGKOK, MANAKALA BAPANYA, APRIL, BERUSIA 22 TAHUN DAN DILAHIRKAN DI ZTNS. SEBELUM INI, LEK PERNAH MELAHIRKAN SEEKOR BADAK AIR PADA TAHUN 2016 YANG DIBERI NAMA ATAN. DENGAN KELAHIRAN BAHARU INI, ZTNS KINI MEMPUYAI EMPAT Ekor Badak Air. Dalam perkembangan yang sama, ZTNS turut menyambut kelahiran 16 ekor anak kura-kura sulcata (GEOCHELONE SULCATA) dalam satu kejayaan pembiakan yang pertama bagi spesies ini di ZTNS. Kesemua anak kura-kura ini kini menjalani tempoh kuarantin dan pemantauan rapi bagi memastikan kesihatan dan perkembangan yang baik sebelum dipertontonkan kepada pengunjung. Untuk melihat spesies-spesies ini dengan lebih dekat. JOM BERKUNJUNG KE ZOO TAIPING & NIGHT SAFARI 🐢🦏🐢🦏

SESI TEH TARIK 150 TAHUN TAIPING BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE- 150 BANDAR TAIPING (1874-2024)

28 DISEMBER 2024 - MPT TELAH MENGANJURKAN SESI TEH TARIK 150 TAHUN TAIPING BERTEMPAT DI TAMAN BOTANI PERAK, TAIPING BERTUJUAN UNTUK MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA PENGANJUR, RAKAN STRATEGIK DAN JUGA MEDIA YANG TELAH BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN 154 ACARA BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-150 BANDAR TAIPING (1874-2024) MELIBATKAN ACARA DI PERINGKAT ANTARABANGSA, KEBANGSAAN, NEGERI DAN KOMUNITI. SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-150 BANDAR TAIPING (1874-2024) INI BUKAN SAHAJA MERAIKAN SEJARAH GEMILANG BANDAR TAIPING, TETAPI JUGA MENJADI SIMBOL PERPADUAN, KERJASAMA, DAN SEMANGAT KEKITAAN YANG UTUH DALAM KALANGAN MASYARAKAT DAERAH LARUT DAN MATANG. DALAM UCAPAN YB TUAN LOH SZE YEE, PENERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN, INDUSTRI, PELABURAN DAN PEMBANGUNAN KORIDOR NEGERI PERAK MENYATAKAN BANDAR TAIPING MERUPAKAN BANDAR YANG AKTIF DALAM MEMPROMOSIKAN PELANCONGAN. KERJASAMA YANG ERAT DARIPADA MASYARAKAT TAIPING YANG BERBILANG KAUM MENJADIKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-150 BANDAR TAIPING (1874-2024) INI MERIAH DAN DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA. YANG DIPERTUA MPT TURUT MENZAHIRKAN UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-150 BANDAR TAIPING (1874-2024). SEMASA SESI TEH TARIK INI TURUT BERLANGSUNG PELUNCURAN KALENDAR ACARA PELANCONGAN DAN AKTIVITI KOMUNITI TAIPING 2025. HADIR BERSAMA KE SESI TEH TARIK 150 TAHUN TAIPING IALAH YBHG. ORANG KAYA MENTERI PADUKA TUAN DATO' SERI HAJI WAN MOHD. ISA BIN DATO' HAJI WAN MOHD. RAZALLI, ORANG BESAR JAJAHAN LARUT MATANG & SELAMA, YB TUAN TEH KOK LIM, PENERUSI JAWATANKUASA SAINS, ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI PERAK MERANGKAP ADUN AULONG, YB TUAN ONG SENG GUAN, ADUN POKOK ASSAM, KETUA-KETUA JABATAN DAERAH, AHLI-AHLI MAJLIS MPT, KETUA-KETUA JABATAN DAN KETUA-KETUA BAHAGIAN MPT.

SEMOGA TAHUN 2025 BANDAR TAIPING AKAN TERUS DIMERIAHKAN DENGAN PELBAGAI ACARA PELANCONGAN DAN KOMUNITI YANG TELAH DIRANCANG. TERIMA KASIH SELURUH WARGA TAIPING KHUSUSNYA DAN PERAK SERTA MALAYSIA AMNYA UNTUK TAHUN 2024 YANG PENUH BERMAKNA!



Diterbitkan oleh : Bahagian Kualiti
Editor : Encik Nor Azizee bin Abdul Aziz
Urusetia : Cik Nazurah bt Mohsin Arshad
Cik Puteri Fazira Syawati
Pautan : <http://www.mptaiping.gov.my>



TAIPING TUAN RUMAH PENGANJURAN '43RD TOURISM PROMOTION ORGANIZATION (TPO) EXECUTIVE COMMITTEE MEETING'

TAIPING TELAH DIPILIH MENJADI TUAN RUMAH BAGI PENGANJURAN '43RD TPO EXECUTIVE COMMITTEE MEETING' PADA 24-25 OKTOBER 2024 MELIBATKAN PENYERTAAN DALAM KALANGAN AHLI-AHLI TPO DARIPADA BEBERAPA BUAH BANDAR SEPerti :-

- ✳ Busan, Korea
- ✳ Jeonju, Korea
- ✳ Ho Chi Minh City, Vietnam
- ✳ Ipoh, Malaysia

MESYUARAT '43RD TPO EXECUTIVE COMMITTEE' TELAH BERLANGSUNG PADA 24 OKTOBER 2024 (KHAMIS) BERTEMPAT DI HOTEL NOVOTEL YANG TELAH DI Pengerusikan oleh MR. KIM DONG HOON, DIRECTOR OF TOURISM POLICY DIVISION BUSAN, KOREA MEMBINCANGKAN BERKAITAN PROGRAM TPO YANG TELAH BERLANGSUNG SEPANJANG TAHUN 2024 SERTA PERANCANGAN DAN HALA TUJU TPO BAGI TAHUN 2025. SESI MESYUARAT INI TURUT DI HADIRI OLEH MR. WOO KYOUNG-HA, SECRETARY GENERAL TPO.

ANTARA PENGISIAN PROGRAM LAIN YANG TELAH BERLANGSUNG ADALAH:-

- ✳ 'Bilateral Meeting' antara Taiping dan Ho Chi Minh City, Vietnam
- ✳ Sesi Perkongsian Promosi Pelancongan oleh Tourism Perak, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Daerah Kampar, Novotel Taiping dan Sentosa Villa Resort.
- ✳ Pameran promosi pelancongan oleh ahli TPO (Malaysia), MP Taiping, MB Ipoh, MP Manjung & MD Kampar
- ✳ Majlis Makan Malam di Kafe STG, Spritzer Ecopark
- ✳ Lawatan ke Zoo Taiping & Night Safari
- ✳ Lawatan ke lingkaran Jejak Warisan Taiping
- ✳ Jamuan makan tengahari di Kafe Sentosa Villa Resort

TUAN KHAIRUL AMIR BIN MOHAMAD ZUBIR, YANG DIPERTUA MPT MENZAHIRKAN UCAPAN TERIMA KASIH DI ATAS PEMILIHAN TAIPING SEBAGAI TUAN RUMAH SERTA SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH SEMUA PIHAK DALAM BERSAMA-SAMA MENJAYAKAN MESYUARAT INI. SEMOGA DENGAN PENGANJURAN '43RD TPO EXECUTIVE COMMITTEE MEETING' INI DAPAT MENERGATKAN HUBUNGAN ANTARA AHLI-AHLI TPO SERTA DAPAT MENJALINKAN KERJASAMA DALAM MEMPROMOSIKAN PELANCONGAN DI PERAK AMNYA DAN TAIPING KHUSUSNYA.

